

**Pemilih Pos: SPR Mahu Bukti Terperinci**  
**Bernamea**  
**8 Oktober, 2012**

PUTRAJAYA, 8 Okt (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mahu maklumat terperinci daripada pihak yang mempertikai kedudukan 64,100 pemilih pos yang didakwa tidak dimasukkan dalam Daftar Pemilih pada 9 April 2010.

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata ini kerana dakwaan yang dikemukakan itu hanya secara umum dan menyukarkan SPR untuk menyiasat secara terperinci.

"Jadi SPR meminta perkara itu dibuktikan dengan menyerahkan semua 64,100 maklumat pemilih dengan terperinci bagi membolehkan SPR menyemak rekod tersebut dalam daftar pemilih SPR," katanya kepada pemberita di sini, Isnin.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam laporan akhbar Suara Keadilan bertarikh 2 Oktober lepas bertajuk "Audit Sahkan SPR Menipu-Anwar" menyatakan penemuan 64,100 pemilih pos dimasukkan dalam Daftar Pemilih pada 9 April 2010 berkemungkinan besar tidak melalui proses semakan dan bantahan rasmi.

Mengulas laporan itu yang turut mendakwa 77,246 nama pengundi baru tidak ada dalam daftar Pilihan Raya Umum ke-12, Abdul Aziz menjelaskan setiap permohonan perlu melalui proses tertentu dan bukan bermakna permohonan itu akan terus diterima oleh SPR.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700450>